

KUMIPA BALANCED FUND

LAPORAN INTERIM **2018**

Bagi Tempoh Berakhir

31 Oktober 2018

PENGURUS TABUNG

PENGURUSAN KUMIPA BERHAD (187904-M)
(CMSL/A0150/2007)

Isi Kandungan

1 - 2	Maklumat Tabung
3 - 5	Prestasi Tabung
6 -10	Laporan Pengurus
11	Laporan Pemegang Amanah
12	Penyata Oleh Pengurus
13 - 30	Penyata Kewangan Yang Tidak Diaudit
31	Maklumat Tambahan

**LAPORAN INTERIM KUMIPA BALANCED FUND BAGI TEMPOH BERAKHIR
31 OKTOBER 2018**

Assalamualaikum dan salam sejahtera.

Para Pemegang Unit Yang Dihormati,

Pengurusan KUMIPA Berhad (PKB atau Pengurus) selaku Pengurus KUMIPA Balanced Fund (Tabung) dengan ini mengemukakan Laporan Pengurus dan akaun tabung yang tidak diaudit bagi tempoh 6 bulan mulai 1 Mei 2018 hingga 31 Oktober 2018.

Pengurus terlebih dahulu merakamkan ribuan terima kasih kepada para pemegang unit yang dihormati di atas sokongan dan kepercayaan yang diberikan. Pengurus akan meneruskan usaha memperbaiki pencapaian tabung anda dan memberikan komitmen sepenuhnya agar tabung anda menjana pulangan yang berpatutan.

MAKLUMAT TABUNG

- | | | |
|-----------|-----------------|---|
| 1. | Nama Tabung | : KUMIPA Balanced Fund |
| | Kategori Tabung | : Tabung Unit Amanah Bumiputra Seimbang |
| | Jenis | : Tabung Pendapatan Dan Pertumbuhan |

2. Objektif Pelaburan

Berusaha untuk menghasilkan kadar pulangan yang berpatutan dan peningkatan modal kepada Pemegang Unit melalui portfolio pelaburan yang seimbang di dalam ekuiti dan bukan ekuiti yang dibenarkan oleh Suratikatan.

Pemegang Unit mesti memberi satu persetujuan melalui mesyuarat Pemegang Unit jika ada perubahan penting kepada objektif pelaburan Tabung.

3. Tanda Aras Prestasi

Pengurus menggunakan Indeks KUMIPA untuk mengukur prestasi pelaburan tabung. Indeks KUMIPA ialah satu indeks gabungan FBMEmas dan kadar simpanan tetap konvensional. Ianya dikira berdasarkan kepada peratus perubahan bulanan kedua-dua indeks tersebut.

Prestasi kedua-dua asas tanda aras tersebut diwajibkan atau dibahagikan di dalam nisbah 60:40 mengikut perumpukan aset tabung untuk mendapatkan satu Indeks KUMIPA. Anda boleh mengetahui Indeks KUMIPA di laman sesawang PKB di alamat:
<http://www.phgunitrust.com.my>

Asas pengiraan yang digunakan ialah:

- Prestasi Indeks FBMEmas: iaitu indeks yang mewakili hampir semua syarikat yang tersenarai di papan utama Bursa Malaysia. Pendedahan pelaburan ekuiti Tabung hampir keseluruhannya adalah di dalam syarikat-syarikat papan utama, manakala pembahagian sektor juga hampir menyamai pembahagian sektor di papan utama. Oleh itu indeks ini lebih sesuai dijadikan tanda aras prestasi pelaburan. Ianya boleh dirujuk di [www.BursaMalaysia.com.my/security_market_statistic_key_indicator_FTSE Bursa Malaysia EMAS Index](http://www.BursaMalaysia.com.my/security_market_statistic_key_indicator_FTSE_Bursa_Malaysia_EMAS_Index), dan ;
- Kadar simpanan tetap konvensional untuk satu (1) tahun yang boleh dirujuk di laman sesawang institusi kewangan. Contohnya [https://www.maybank2U.com.my/FD Rates](https://www.maybank2U.com.my/FD_Rates).

4. Polisi Agihan Pendapatan

Pengurus akan membuat agihan pendapatan (jika ada) daripada pendapatan tabung yang diperolehi bagi tahun kewangan semasa dan biasanya akan membayarnya kepada Pemegang Unit di dalam bentuk tunai dan/atau unit sekurang-kurangnya sekali setahun.

5. Statistik Pegangan Unit

Pada 31 Oktober 2018, jumlah unit dalam pusingan adalah sebanyak 186,182,745.13 unit. Ia merangkumi 75.78% pegangan oleh individu dan baki 24.22% adalah pegangan oleh institusi korporat.

Penyertaan pemegang unit mengikut klasifikasi saiz pegangan adalah seperti berikut :-

Klasifikasi Saiz Pegangan Unit	Bilangan Akaun	Jumlah Pegangan Unit	% Pegangan
<= 5,000	14,918	50,523,121.13	27.14
> 5,000 - 10,000	538	3,969,910.50	2.13
>10,000 - 50,000	3,979	64,819,662.48	34.82
> 50,000 - 500,000	189	23,650,368.87	12.71
> 500,000	13	43,175,104.10	23.20
JUMLAH	19,637	186,138,167.08	100.00

Nota:

Pegangan unit pengurus adalah sebanyak 44,578.05 unit.

PRESTASI TABUNG

1 Perbandingan Pencapaian

A Komposisi Portfolio
(mengikut nilai pasaran) TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 OKTOBER

		2018	2017	2016
Sekuriti tersenarai(tempatan)	(RM'000)	21,108	29,458	29,085
Sekuriti pendapatan tetap dan simpanan	(RM'000)	22,603	22,928	23,233

Sektor pelaburan sekuriti tersenarai

Barangan Pengguna/perkhidmatan	1.47%	1.27%	0.73%
Barangan Industri/perkhidmatan	6.82%	11.36%	10.39%
Pembinaan	6.11%	9.25%	6.49%
Perkhidmatan/perdagangan	-	8.33%	10.84%
Tenaga	0.76%	-	-
Telekomunikasi dan media	2.23%	-	-
Perkhidmatan kewangan	11.79%	10.94%	10.59%
Penjagaan kesihatan	1.63%	-	-
Utiliti	1.64%	-	-
Hartanah	4.52%	2.45%	2.34%
Perladangan	6.54%	7.96%	8.86%
Teknologi	-	-	0.35%
REITS	3.94%	3.84%	4.05%
Waran	-	0.02%	-

TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 OKTOBER

	2018	2017	2016
B. Nilai Aset Bersih (RM'000)	44,493	53,135	53,254
C. Nilai Aset Bersih Seunit(RM)	0.2390	0.2864	0.2901
Bilangan Unit Dalam Edaran (unit '000)	186,183	185,507	183,597
	(RM)	(RM)	(RM)
D. Nilai Aset Bersih Seunit Tertinggi (Bagi Tempoh 1.5.18 - 31.10.18)	0.2701	0.2942	0.2922
E. Nilai Aset Bersih Seunit Terendah (Bagi Tempoh 1.5.18 - 31.10.18)	0.2358	0.2814	0.2744
	(%)	(%)	(%)
F. <u>Pulangan:</u>			
- Pertumbuhan Modal	(16.55)	(1.28)	(1.79)
- Pendapatan	-	-	-
Jumlah	(16.55)	(1.28)	(1.79)

TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 OKTOBER

G. <u>Pengagihan</u>	2018 % / (sen)	2017 % / (sen)	2016 % / (sen)
Kasar pada 31 Oktober	-	-	-
Bersih pada 31 Oktober	-	-	-
Unit Percuma	-	-	-
H. Nisbah Perbelanjaan Pengurusan (%)*	0.83	0.88	0.88
I. Nisbah Dagangan Portfolio (kali)**	0.01	0.04	0.05

Sumber : Penyata Kewangan Tabung (disahkan oleh Juruaudit Luar)

* Nisbah perbelanjaan pengurusan bagi tempoh kewangan berakhir 31 Oktober 2018 menunjukkan penurunan kepada 0.83% berbanding 0.88% bagi tempoh kewangan sebelumnya. Perubahan ini disebabkan oleh penurunan purata NAB tabung sebanyak 12.87% pada akhir tempoh kewangan tersebut.

** Nisbah dagangan portfolio bagi tempoh kewangan berakhir 31 Oktober 2018 juga menunjukkan penurunan kepada 0.01 kali berbanding 0.04 kali bagi tempoh kewangan sebelumnya disebabkan kekurangan jumlah belian dan jualan saham dalam tempoh kewangan tersebut.

2. Purata Pulangan Tahunan

	Jumlah	Purata
Tempoh 1 Tahun (31.10.2017 hingga 31.10.2018)	-12.47%	-12.47%
Tempoh 3 Tahun (31.10.2016 hingga 31.10.2018)	-6.06%	-2.02%
Tempoh 5 Tahun (31.10.2014 hingga 31.10.2018)	-6.45%	-1.29%

Sumber : Penyata Kewangan Tabung (disahkan oleh Juruaudit Luar)**3. Jumlah Pulangan Tahunan Berakhir 30 April**

TAHUN	JUMLAH
2018	(7.46%)
2017	9.42%
2016	(2.20%)
2015	(2.50%)
2014	13.24%
2013	10.10%

Sumber : Penyata Kewangan Tabung (diaudit)

Nota:

Pulangan tabung terdiri dari pulangan pendapatan dan pertumbuhan modal. Berikut ialah asas kiraan pulangan tabung :

- a. Pulangan pendapatan : $\frac{(\text{Agihan kasar seunit} + \text{bonus seunit})}{\text{NAB akhir seunit (selepas agihan)}}$
- b. Pertumbuhan modal : $\left\{ \frac{\text{NAB akhir seunit (selepas agihan)}}{\text{NAB awal seunit (selepas agihan)}} \right\} - 1$
- c. Jumlah pulangan : Pulangan Pendapatan + Pertumbuhan modal

Purata jumlah pulangan tahunan = pulangan tahunan dicampurkan dan dibahagikan dengan tahun dikehendaki.

Contoh : Untuk 3 tahun =

$$\frac{(\text{jumlah pulangan tahun 1} + \text{jumlah pulangan tahun 2} + \text{jumlah pulangan tahun 3})}{3}$$

Nisbah perbelanjaan pengurusan dan nisbah dagangan portfolio boleh dirujuk kepada penyata kewangan tidak diaudit di muka surat 29 dan 30.

KENYATAAN

Pencapaian Tabung atau rekod pengagihan tabung pada masa lalu tidak menjamin atau menggambarkan pencapaian/perolehan di masa hadapan.

Harga-harga unit dan pengagihan pendapatan, jika ada, boleh berubah-ubah, samada turun ataupun naik.

LAPORAN PENGURUS

1. Pencapaian Objektif Pelaburan Tabung

Bagi tempoh 6 bulan berakhir pada 31 Oktober 2018, KUMIPA Balanced Fund telah mengumpul pendapatan-pendapatan nyata seperti berikut :-

	Pada 31.10.18 (RMJuta)	Pada 31.10.17 (RMJuta)	Perubahan (%)
Keuntungan jualan saham	0.03	0.44	(93.18)
Dividen	0.34	0.43	(19.05)
Keuntungan/faedah simpanan	0.43	0.42	2.38
Pelbagai pendapatan	-	-	-
JUMLAH PENDAPATAN NYATA	0.80	1.28	(37.50)
Nilai Aset Bersih (NAB)	44.49	53.14	(16.28)

UNIT DALAM PUSINGAN PADA 31.10.18	186,182,745.13
-----------------------------------	----------------


Keseluruhan pendapatan nyata Tabung menunjukkan penurunan yang sangat ketara dalam tempoh 6 bulan pertama. Keadaan pasaran saham yang jatuh secara keseluruhan terutama di rantau Asia telah memberi kesan langsung kepada aktiviti pelaburan Tabung.

Tiada banyak aktiviti jualan saham yang boleh dilaksanakan menyebabkan untung dari jualan saham Tabung menurun sangat ketara sebanyak 93.18%. Begitu juga berlakunya penurunan di dalam pendapatan dividen sebanyak 19.05%.


Tiada perubahan ketara dari pendapatan keuntungan/faedah simpanan dimana kenaikan adalah sebanyak 2.38% manakala NAB Tabung juga turut menunjukkan penurunan yang ketara iaitu sebanyak 16.28%.

Kesimpulannya pendapatan nyata Tabung menunjukkan penurunan yang besar sebanyak 37.50% disebabkan penurunan di dalam keuntungan jualan saham dan pendapatan dividen.

2. Perbandingan Prestasi Tabung Dengan Indeks KUMIPA Bagi Tempoh 6 Bulan Berakhir 31 Oktober 2018



3. Perbandingan Prestasi Tabung Dengan Indeks KUMIPA Uutuk 5 Tahun Kewangan Berakhir 31 Oktober



Prestasi tabung yang lalu tidak semestinya menggambarkan prestasi akan datang. Harga seunit dan pulangan ke atas pelaburan akan berubah mengikut pasaran.

4. Polisi Dan Strategi-Strategi Pelaburan

Mewujudkan satu portfolio yang seimbang dan pelbagai menerusi :

- Pelaburan dalam ekuiti syarikat-syarikat yang mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh dan potensi pulangan pelaburan serta pertumbuhan yang konsisten.
- Pelaburan di dalam instrumen pasaran kewangan yang boleh menawarkan pendapatan yang tetap.
- Bagi mencapai objektif pelaburan, sebanyak 40% hingga 60% dari NAB Tabung telah dilaburkan di dalam ekuiti khususnya yang tersenarai di Bursa Malaysia manakala selebihnya didalam sekuriti pendapatan tetap, deposit, instrumen pasaran wang dan aset cair. Walau bagaimanapun, nilai perumpukan aset ini dibenarkan untuk melebihi had yang ditetapkan apabila berlakunya tambah nilai atau susut nilai kepada aset bersih tabung. Lebihan atau kurangan dari had yang dibenarkan ialah sebanyak 10%.
- Sekurang-kurangnya 10% dari NAB Tabung dikekalkan dalam bentuk aset cair pada setiap masa.
- Perumpukan aset mungkin akan terlebih atau terkurang daripada strategi perumpukan yang asal, berdasarkan kepada keadaan ekonomi, politik, kedua-dua pasaran ekuiti dan pasaran wang pada sesuatu masa atau lain-lain keadaan semasa. Pengurus akan sentiasa memastikan agar apa jua tindakan yang diambil adalah atas kepentingan pelaburan Tabung dan supaya dapat menjana pulangan yang baik.

5. Perumpukan Aset Tabung

Kedudukan perumpukan aset tabung adalah seperti berikut :

	Pada 31.10.2018	Pada 31.10.2017
Ekuiti	48%	56%
Instrumen pasaran wang	52%	44%

Perumpukan aset Tabung bagi tempoh kewangan berakhir 31.10.2018 menunjukkan perubahan yang ketara berbanding dengan tempoh kewangan yang sama tahun lepas. Pelaburan tabung di dalam ekuiti telah menurun sebanyak 48% dalam ekuiti dan selebihnya diimbangi oleh pelaburan di dalam instrumen pasaran wang.

6. Analisis Prestasi Tabung

	Pada 31.10.2018	Pada 31.10.2017	Pada 30.4.2018 (selepas agihan)	Pada 30.4.2017 (selepas agihan)
NAB seunit (RM)	0.2390	0.2864	0.2598	0.2937

NAB seunit pada 31.10.2017 ialah RM0.2864 dan menurun kepada RM0.2390 pada akhir tempoh liputan ini.

7. Analisa Pasaran

A. Ulasan Pasaran Saham

Pasaran saham memulakan tahun 2018 dengan momentum yang agak positif didorong oleh unjuran pertumbuhan ekonomi yang semakin baik, kekukuhan harga minyak mentah di pasaran dunia dan juga unjuran pendapatan korporat yang agak cerah. Faktor-faktor ini menjadi pemangkin untuk pelabur asing memasuki pasaran dan merancakkan urusan niaga di pasaran. Ekonomi negara mencatatkan pertumbuhan yang agak tinggi iaitu sebanyak 5.4% pada suku pertama 2018, didorong oleh perbelanjaan sektor swasta yang berterusan dan eksport yang terus meningkat. Penanda aras pasaran iaitu Financial Times Bursa Malaysia Kuala Lumpur Composite Index (FBMKLCI) telah mencatat paras tertinggi iaitu 1,895.18 mata pada 19 April 2018.

Walau bagaimanapun momentum positif pasaran tidak mampu bertahan lama. Menjelang suku kedua 2018 pasaran mula bergerak perlahan. Antara faktor-faktor yang merencatkan kelancaran pasaran termasuklah ketidakstabilan geopolitik di Semenanjung Korea dan Timur Tengah, ketidakpastian dasar-dasar ekonomi Amerika Syarikat (AS), kebimbangan tentang berlalutannya perang dagang antara China dengan AS dan kebimbangan tentang kenaikan kadar faedah di AS yang melebihi jangkaan. Selain dari itu penelitian semula dan pembaharuan dasar-dasar utama negara turut memberi kesan kepada prestasi pasaran saham tempatan.

Untuk tempoh liputan ulasan dari 1 Mei 2018 hingga 31 Oktober 2018, ringkasan pergerakan FBMKLCI dan FBMEmas adalah seperti berikut :

	Indeks FBM KLCI	Indeks FBM Emas
2 Mei 2018	1,852.03	12,929.74
31 Oktober 2018	1,709.27	11,770.04
(Penurunan)/Peningkatan	(7.71%)	(8.97%)
Paras Tertinggi	1,858.26	12,950.37
Paras Terendah	1,663.86	11,555.06

B. Ulasan Pasaran Wang

Selepas mengalami kenaikan sebanyak 25 mata asas pada 25 Januari 2018, Kadar Dasar Semalaman (OPR) kekal 3.25% sehingga 31 Oktober 2018. Sehubungan dengan itu Tabung dapat menikmati pulangan yang lebih tinggi hasil dari penyemakan semula kadar deposit oleh pihak institusi kewangan. Tabung tidak terlibat di dalam pasaran bon.

C. Prospek Ekonomi Dan Pasaran

Pertumbuhan ekonomi global dijangka kekal menggalakkan pada kadar 3.7% untuk 2018 dan 2019 didorong oleh ekonomi stabil di AS dan kebanyakan negara berkembang pesat dan negara membangun (EMDE). Pertumbuhan negara maju dijangka berkembang kepada 2.1% pada 2019, manakala pertumbuhan EMDE dijangka kekal pada 4.9% untuk tahun 2018 dan 2019.

Prospek ekonomi negara kekal menggalakkan khususnya disokong oleh permintaan domestik yang kukuh. Disamping itu, pertumbuhan ekonomi dan perdagangan global yang stabil, permintaan terhadap elektrik dan elektronik (E&E) yang terus berkembang serta kenaikan harga minyak dijangka menyokong pertumbuhan eksport. Sehubungan dengan itu, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) benar dijangka berkembang 4.8% setelah mencatat kadar pertumbuhan 4.9% dalam tempoh separuh pertama 2018.

Pada tahun 2019 pertumbuhan diunjur terus meningkat kepada 4.9%. Perbelanjaan sektor swasta akan kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan yang mengimbangi kesan perbelanjaan sektor awam yang lebih rendah pada 2018 dan 2019. Prospek pertumbuhan ekonomi negara dalam jangkamasa terdekat kekal berdaya tahan dengan asas makroekonomi yang kukuh, kedudukan kewangan yang stabil serta struktur ekonomi yang pelbagai dan menyeluruh. **(Sumber : Laporan Ekonomi 2018/ 2019)**. Pengurus juga akan terus proaktif dalam usaha untuk meningkatkan lagi prestasi Tabung bagi memastikan Tabung mampu bersaing dalam pasaran yang penuh mencabar ini. Insya Allah.

8. Agihan Pendapatan

Tiada agihan dicadangkan untuk tempoh 6 bulan sehingga 31 Oktober 2018. Agihan pendapatan tahunan (jika ada) ialah pada 30 April setiap tahun.

9. Pecahan Unit

Tiada sebarang pecahan unit dalam tempoh liputan.

10. Perubahan Yang Ketara Terhadap Kedudukan Tabung Dalam Tempoh Kewangan

Tiada sebarang perubahan yang ketara terhadap kedudukan Tabung dalam tempoh liputan.

11. Situasi Yang Boleh Menjejaskan Kepentingan Pemegang Unit

Tiada sebarang situasi yang boleh menjejaskan kepentingan pemegang unit sepanjang tempoh liputan.

12. Komisen Ringan

Pengurus tidak menerima apa-apa bentuk rebat dari broker. Kesemua urusan dengan broker dilaksanakan pada kadar pasaran yang kompetitif. Komisen ringan seperti dokumen penyelidikan, data dan penerbitan-penerbitan yang berkaitan dengan pelaburan, jika ada, akan digunakan untuk kepentingan Tabung. Pengurus tidak menikmati apa-apa komisen ringan untuk kepentingannya.

Laporan ini hendaklah dibaca bersama dengan penyata kewangan KUMIPA Balanced Fund yang tidak diaudit.

Sekian.

Bertarikh : 7 Disember 2018

LAPORAN PEMEGANG AMANAH

AMANAHRAYA TRUSTEES (766894-T)

Penyataan Pemegang Amanah Bagi Tempoh Kewangan Enam Bulan Berakhir 31 Oktober 2018

Kepada Pemegang-Pemegang Unit
KUMIPA BALANCED FUND

Kami, AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD telah bertindak selaku Pemegang Amanah kepada KUMIPA BALANCED FUND bagi tempoh kewangan enam bulan berakhir 31 Oktober 2018. Pada pendapat kami, PENGURUSAN KUMIPA BERHAD, selaku Pengurus, telah melaksana dan mengurus KUMIPA BALANCED FUND selaras dengan had-had kuasa pelaburan yang diberikan kepada Pengurus mengikut Suratikatan, undang-undang sekuriti dan Garispanduan Tabung Unit Amanah yang diterimapakai bagi tempoh kewangan enam bulan berakhir 31 Oktober 2018.

Kami juga berpendapat bahawa:

- (a) Penilaian dan penentuan harga dibuat selaras dengan Suratikatan dan mana-mana kehendak kawalseliaan; dan
- (b) Penjadian dan perlucutan unit dilaksanakan adalah selaras dengan Suratikatan dan lain-lain peruntukan undang-undang berkaitan.

Yang benar
AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD



HABSAH BINTI BAKAR
Ketua Pegawai Eksekutif

Kuala Lumpur, Malaysia
29 November 2018

PENYATA OLEH PENGURUS

Kami, selaku pengarah-pengarah **PENGURUSAN KUMIPA BERHAD**, menyatakan bahawa pada pendapat pengarah-pengarah, penyata kewangan KUMIPA Balanced Fund yang tidak diaudit untuk tempoh berakhir pada 31 Oktober 2018 yang dibentangkan bersama Laporan Pengurus untuk tempoh berakhir 31 Oktober 2018, menggambarkan dengan benar dan saksama tentang kedudukan tabung ini, dan telah disediakan mengikut piawaian perakaunan yang telah diluluskan di Malaysia, serta disesuaikan dengan Garis panduan Suruhanjaya Sekuriti untuk Tabung Unit Amanah.

Ditandatangani bagi pihak Pengurus Tabung, **PENGURUSAN KUMIPA BERHAD**.

t.t

t.t

DATO' SRI DIRAJA HAJI
ADNAN BIN YAAKOB

DATO' HAJI MOHD NAZARI
BIN YUNUS

t.t

t.t

DATIN HAJJAH NOR ASMAH
BINTI ABDUL

PROFESOR DATO' DR.
MUHAMAD BIN MUDA

t.t

t.t

DATO' HAJI BAHARI BIN
JOHARI

TUAN HAJI MAZELAN @
ROSELY ABDUL RAHMAN
BIN OSMAN

PENYATA KEWANGAN YANG TIDAK DIAUDIT

Penyata kewangan yang dibentangkan adalah penyata yang tidak diaudit bagi tempoh berakhir 31 Oktober 2018.

KUMIPA Balanced Fund

(Ditubuhkan di Malaysia)

**Penyata Pendapatan Komprehensif
Bagi Setengah Tahun Berakhir 31 Oktober 2018**

	Nota	2018 RM	2017 RM
Pendapatan			
Faedah		434,425	421,373
Dividen kasar dikecualikan cukai		321,352	360,600
Dividen kasar bercukai		18,354	51,750
Keuntungan jualan sekuriti tersenarai		<u>23,714</u>	<u>442,850</u>
Pendapatan telah direalisasikan		797,845	1,276,573
Penurunan dalam perubahan nilai pelaburan sekuriti		<u>(4,280,444)</u>	<u>(2,143,731)</u>
		(3,482,599)	(867,158)
Perbelanjaan			
Yuran pengurusan	4	<u>349,425</u>	<u>401,277</u>
Yuran Pemegang Amanah	5	<u>23,295</u>	<u>27,020</u>
Ganjaran juruaudit		4,380	4,380
Ganjaran agen percukaian		1,380	1,380
Perbelanjaan pentadbiran		<u>4,771</u>	<u>32,205</u>
		<u>383,251</u>	<u>466,262</u>
Kerugian dari operasi sebelum cukai		(3,865,850)	(1,333,420)
Cukai	6	-	-
Kerugian selepas cukai dan jumlah kerugian komprehensif bagi tahun		<u>(3,865,850)</u>	<u>(1,333,420)</u>
Kerugian selepas cukai terdiri daripada :			
Telah direlisasi		414,594	810,311
Penurunan dalam perubahan nilai pelaburan sekuriti		<u>(4,280,444)</u>	<u>(2,143,731)</u>
		<u>(3,865,850)</u>	<u>(1,333,420)</u>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan

KUMIPA Balanced Fund

(Ditubuhkan di Malaysia)

**Penyata Kedudukan Kewangan Pada
31 Oktober 2018**

		2018	2017
	Nota	RM	RM
Pelaburan			
Sekuriti tersenarai	7	21,107,727	29,457,875
Simpanan jangka panjang	9	10,000,000	11,400,000
Simpanan jangka pendek	9	<u>12,603,475</u>	<u>11,527,982</u>
		<u>43,711,202</u>	<u>52,385,857</u>
Aset lain			
Jumlah terhutang oleh broker saham		-	176,331
Pelbagai penghutang		4,033	4,033
Cukai boleh dituntut		191,422	188,462
Faedah dan dividen belum terima		292,902	162,135
Wang dan baki di bank		<u>543,714</u>	<u>415,000</u>
		<u>1,032,071</u>	<u>945,961</u>
Jumlah aset		<u>44,743,273</u>	<u>53,331,818</u>
Liabiliti semasa			
Jumlah terhutang kepada broker saham		180,946	112,168
Pengurusan Kumipa Berhad		57,023	70,945
AmanahRaya Trustees Berhad		3,801	4,730
Perbelanjaan terakru		8,593	8,593
Agihan	10	-	-
Jumlah liabiliti		<u>250,363</u>	<u>196,436</u>
Ekuiti			
Modal pemegang unit	11	125,824,419	125,666,040
Kerugian terkumpul		<u>(81,331,509)</u>	<u>(72,530,658)</u>
Jumlah ekuiti		<u>44,492,910</u>	<u>53,135,382</u>
Jumlah ekuiti dan liabiliti		<u>44,743,273</u>	<u>53,331,818</u>
Unit dalam edaran			
Unit dalam edaran	11	<u>186,182,745</u>	<u>185,506,745</u>
Nilai aset bersih		<u>44,492,910</u>	<u>53,135,382</u>
Nilai aset bersih seunit		<u>0.2390</u>	<u>0.2864</u>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan

KUMIPA Balanced Fund

(Ditubuhkan di Malaysia)

**Penyata Perubahan dalam Ekuiti
Bagi Setengah Tahun Berakhir 31 Oktober 2018**

	Modal Pemegang Unit (Nota 11) RM	Kerugian Terkumpul RM	Nilai aset bersih RM
30 April 2018	125,488,867	(77,464,656)	48,024,211
Pendapatan telah direalisasi	-	414,594	414,594
Penurunan dalam perubahan nilai pelaburan sekuriti	-	(4,280,444)	(4,280,444)
Jumlah perbelanjaan komprehensif bagi tahun	-	(3,865,850)	(3,865,850)
Penerimaan dari penjadian unit	576,126	-	576,126
Pembayaran untuk pembatalan unit	(240,574)	-	(240,574)
Pengimbangan agihan	-	(1,003)	(1,003)
Agihan pada tahun semasa	-	-	-
31 Oktober 2018	<u>125,824,419</u>	<u>(81,331,509)</u>	<u>44,492,910</u>
30 April 2017	125,022,839	(71,198,507)	53,824,332
Pendapatan telah direalisasi	-	810,311	810,311
Penurunan dalam perubahan nilai pelaburan sekuriti	-	(2,143,731)	(2,143,731)
Jumlah perbelanjaan komprehensif bagi tahun	-	(1,333,420)	(1,333,420)
Penerimaan dari penjadian unit	772,908	-	772,908
Pembayaran untuk pembatalan unit	(129,707)	-	(129,707)
Pengimbangan agihan	-	1,269	1,269
Agihan pada tahun semasa	-	-	-
31 Oktober 2017	<u>125,666,040</u>	<u>(72,530,658)</u>	<u>53,135,382</u>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan

KUMIPA Balanced Fund

(Ditubuhkan di Malaysia)

**Penyata Aliran Tunai
Bagi Setengah Tahun Berakhir 31 Oktober 2018**

	Nota	2018 RM	2017 RM
Aktiviti Operasi			
Penerimaan dari jualan pelaburan		99,665	1,250,315
Bayaran bagi belian pelaburan		(831,235)	(2,277,714)
Penerimaan dari dividen		316,620	422,405
Penerimaan dari faedah		374,343	409,610
Bayaran kepada Pengurus		(360,965)	(427,203)
Bayaran kepada Pemegang Amanah		(24,064)	(28,480)
Ganjaran juruaudit dibayar		(8,750)	(9,657)
Ganjaran agen cukai		-	-
Perbelanjaan lain		(938)	(5,863)
		<u>(435,324)</u>	<u>(666,587)</u>
Cukai dibayar		(371)	(380)
Agihan dibayar		<u>(1,890,503)</u>	<u>(2,465,120)</u>
Aliran tunai bersih digunakan dalam aktiviti operasi		<u>(2,326,198)</u>	<u>(3,132,087)</u>
Aktiviti Kewangan			
Perolehan dari penjadian unit		576,991	775,156
Bayaran untuk pembatalan unit		<u>(242,443)</u>	<u>(130,686)</u>
Aliran tunai bersih dari aktiviti kewangan		<u>334,548</u>	<u>644,470</u>
Pengurangan dalam baki tunai dan bersamaan tunai dalam tempoh kewangan			
		(1,991,650)	(2,487,617)
Tunai dan bersamaan tunai			
- pada awal tahun		<u>25,138,839</u>	<u>25,830,599</u>
- pada akhir tahun	12	<u><u>23,147,189</u></u>	<u><u>23,342,982</u></u>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan

KUMIPA Balanced Fund
(Ditubuhkan di Malaysia)

Nota-nota kepada penyata kewangan bagi setengah tahun berakhir 31 Oktober 2018

1 Tabung Pengurus dan kegiatan mereka

KUMIPA Balanced Fund (Tabung) beroperasi selaras dengan pelaksanaan Suratikatan Tambahan ke Lapan (Suratikatan) bertarikh 26 April 2012 yang dibuat di antara Pengurusan Kumipa Berhad (Pengurus), AmanahRaya Trustees Berhad (Pemegang Amanah) dan Pemegang - Pemegang Unit Berdaftar Tabung.

Kegiatan utama Tabung adalah pelaburan di dalam “Pelaburan Yang Dibenarkan” seperti yang didefinisikan di dalam Jadual ke Lapan Suratikatan yang termasuk saham dan debentur di mana-mana syarikat dan simpanan tunai di syarikat berlesen.

Pengurusan Kumipa Berhad adalah merupakan Pengurus Kumpulan Wang berlesen dibawah Seksyen 58, Akta Pasaran Modal Dan Perkhidmatan 2007 dan ianya adalah syarikat milik mutlak Amanah Saham Pahang Berhad. Kegiatan utamanya ialah mengurus tabung unit amanah saham KUMIPA Balanced Fund (Tabung).

2 Asas penyediaan penyata kewangan

Penyata kewangan Tabung telah disediakan menurut konvensyen kos sejarah kecuali yang dinyatakan sebaliknya di dalam ringkasan dasar perakaunan di Nota 3 kepada penyata kewangan dan mematuhi Piawaian-piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (“MFRS”), Piawaian-piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa (“IFRS”), dan Garis Panduan Tabung Unit Amanah yang diterbitkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Berikut adalah piawaian baru, pindaan-pindaan kepada piawaian perakaunan dan interpretasi-interpretasi baru terhadap piawaian perakaunan yang telah diterbitkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB):

Pindaan kepada MFRS yang telah efektif

Pindaan kepada MFRS yang telah efektif bagi tahun kewangan Tabung bermula pada atau selepas 1 Mei 2017 adalah seperti berikut:

- Pindaan kepada MFRS 12
Pendedahan Kepentingan dalam Entiti Lain (Penambahbaikan Tahunan kepada MFRS, Kitaran 2014 – 2016)
- Pindaan kepada MFRS 107
Penyata Aliran Tunai – Inisiatif Pendedahan
- Pindaan kepada MFRS 112
Cukai Pendapatan – Pengiktirafan Aset Cukai Tertunda untuk Kerugian Belum Direalisasi

Menerima pakai pindaan kepada MFRS di atas tidak memberi kesan ketara terhadap kedudukan kewangan Tabung.

KUMIPA Balanced Fund
(Ditubuhkan di Malaysia)

Nota-nota kepada penyata kewangan bagi setengah tahun berakhir 31 Oktober 2018 (sambungan)

MFRS baru, pindaan kepada MFRS dan Interpretasi-interpretasi baru yang telah diterbitkan dan belum efektif

Tabung akan mengguna pakai MFRS baru, pindaan kepada MFRS dan Interpretasi-interpretasi baru dalam tempoh berikut:

Efektif untuk tempoh kewangan yang bermula pada atau selepas 1 Mei 2018

2 Asas penyediaan penyata kewangan (sambungan)

- Pindaan kepada MFRS 1
Penerimaan Pakai bagi MFRS kali pertama (Penambahbaikan Tahunan kepada MFRS, Kitaran 2014 – 2016)
- Pindaan kepada MFRS 2
Pembayaran berasaskan Saham – Klasifikasi dan Pengukuran Urus Niaga
Pembayaran berasaskan Saham
- Pindaan kepada MFRS 4
Kontrak Insurans – Menggunapakai MFRS 9 Instrumen Kewangan dengan MFRS 4 Kontrak Insurans
- MFRS 9
Instrumen Kewangan (2014)
- MFRS 15
Hasil daripada Kontrak dengan Pelanggan
- Pindaan kepada MFRS 128
Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu dan Usaha Sama (Penambahbaikan Tahunan kepada MFRS, Kitaran 2014 – 2016)
- Pindaan kepada MFRS 140
Harta Pelaburan – Pemindahan Harta Pelaburan
- Interpretasi IC 22
Urus Niaga Mata Wang Asing dan Pembayaran Pendahuluan

Efektif untuk tempoh kewangan yang bermula pada atau selepas 1 Mei 2019

- Pindaan kepada MFRS 3
Kombinasi Perniagaan (Penambahbaikan Tahunan kepada MFRS, Kitaran 2015 – 2017)
- Pindaan kepada MFRS 9
Instrumen Kewangan – Ciri-ciri Prabayaran dengan Pampasan Negatif
- Pindaan kepada MFRS 11
Pengaturan Bersama (Penambahbaikan Tahunan kepada MFRS, Kitaran 2015 – 2017)

KUMIPA Balanced Fund
(Ditubuhkan di Malaysia)

Nota-nota kepada penyata kewangan bagi setengah tahun berakhir 31 Oktober 2018 (sambungan)

2 Asas penyediaan penyata kewangan (sambungan)

MFRS baru, Pindaan kepada MFRS dan Interpretasi-interpretasi baru yang telah diterbitkan dan belum efektif (sambungan)

Tabung akan mengguna pakai MFRS baru, pindaan kepada MFRS dan Interpretasi-interpretasi baru dalam tempoh berikut: (sambungan)

- MFRS 16
Pajakan
- Pindaan kepada MFRS 112
Cukai Pendapatan (Penambahbaikan Tahunan kepada MFRS, Kitaran 2015 – 2017)
- Pindaan kepada MFRS 119
Manfaat Pekerja (Rancangan Pindaan, Penangguhan atau Penyelesaian)
- Pindaan kepada MFRS 123
Kos Peminjaman (Penambahbaikan Tahunan kepada MFRS, Kitaran 2015 – 2017)
- Pindaan kepada MFRS 128
Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu dan Usaha Sama-Kepentingan Jangka Panjang dalam Syarikat Bersekutu dan Usaha Sama
- Interpretasi IC 23
Ketidakpastian mengenai pengolahan Cukai Pendapatan

Efektif untuk tempoh kewangan yang bermula pada atau selepas 1 Mei 2021

- MFRS 17
Kontrak Insurans

Efektif untuk tempoh kewangan yang bermula pada atau selepas tarikh yang masih belum ditentukan

- Pindaan kepada MFRS 10 dan MFRS 128
Penyata Kewangan Disatukan dan Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu dan Usaha Sama-Jualan atau Sumbangan Aset-aset di antara Pelabur dan Syarikat Bersekutunya atau Usaha Sama

Tabung sedang menilai kesan-kesan MFRS baru, pindaan kepada MFRS dan Interpretasi-interpretasi baru ke atas penyata kewangan Tabung yang menerima pakai kali pertama.

KUMIPA Balanced Fund
(Ditubuhkan di Malaysia)

Nota-nota kepada penyata kewangan bagi setengah tahun berakhir 31 Oktober 2018 (sambungan)

3 Ringkasan dasar perakaunan yang penting

Dasar perakaunan berikut telah digunakan secara konsisten dalam perkara-perkara yang dianggap penting bagi penyata kewangan.

(a) Pelaburan

Pelaburan tersenarai

Sekuriti tersenarai dinilai pada harga pasaran terakhir yang dinyatakan di Bursa Malaysia Securities Berhad pada 31 Oktober 2018. Lebihan dan kurangan dalam penilaian semula pelaburan telah diambilkira di dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan sebagai perubahan di dalam kenaikan/(penurunan) nilai pelaburan sekuriti tersenarai.

Kos untuk menentukan keuntungan atau kerugian ke atas jualan pelaburan adalah dikira pada purata wajaran.

(b) Penghutang

Jumlah terhutang oleh broker, faedah dan dividen belum terima secara keseluruhan diterima dalam lingkungan 30 hari selepas direkodkan sebagai penghutang.

(c) Pemiutang

Jumlah terhutang kepada broker saham, Pengurusan Kumipa Berhad dan AmanahRaya Trustees Berhad adalah tidak dijamin dan selalunya dibayar dalam lingkungan 30 hari selepas diiktirafkan.

(d) Pendapatan dividen

Dividen dari pelaburan tersiar harga diambilkira berdasarkan kepada tarikh ex-dividen.

(e) Pendapatan faedah

Pendapatan faedah diambilkira mengikut asas akruan kecuali diragui.

(f) Modal pemegang unit

Modal pemegang unit kepada Tabung menepati tafsiran instrumen "Puttable" yang dikelaskan sebagai instrument ekuiti mengikut pindaan MFRS 132 Instrumen Kewangan : Persembahan.

(g) Pengimbangan agihan

Pengimbangan agihan diambilkira pada tarikh penjadian dan pembatalan unit. Ianya merupakan purata jumlah pendapatan yang boleh diagihkan termasuk dalam harga penjadian dan pembatalan unit.

(h) Tunai dan bersamaan tunai

Tunai dan bersamaan tunai terdiri daripada baki bank dan simpanan di institusi kewangan berlesen dan berkecairan tunggu dan tidak mempunyai risiko perubahan pada nilainya.

(i) Instumen kewangan

Aset dan liabiliti kewangan di dalam penyata aset dan liabiliti, merangkumi pelaburan dalam sekuriti tersenarai dan asing, simpanan dalam institusi kewangan, penghutang dan pemiutang. Dasar-dasar perakaunan atas pengiktirafan dan ukuran bagi perkara-perkara tersebut dinyatakan dalam dasar perakaunan masing-masing.

Instrumen kewangan diklasifikasikan sebagai aset atau liabiliti berdasarkan butiran perjanjian kontrak. Faedah, manfaat, dividen, keuntungan dan kerugian berkaitan instrument kewangan yang diklasifikasikan sebagai asset, dilaporkan sebagai pendapatan.

KUMIPA Balanced Fund

(Ditubuhkan di Malaysia)

Nota-nota kepada penyata kewangan bagi setengah tahun berakhir 31 Oktober 2018 (sambungan)**3 Ringkasan dasar perakaunan yang penting (sambungan)****(i) Instrumen kewangan (sambungan)**

Jadual di bawah memberikan analisis instrument kewangan yang dikelaskan seperti berikut :

- (i) Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi (FVTPL)
- (ii) Pelaburan dipegang hingga matang (HTM)
- (iii) Pinjaman dan penerimaan (L&R); dan
- (iv) Liabiliti-liabiliti kewangan lain diukur pada kos yang dilunaskan (OL).

31.10.2018	Nota	Jumlah dibawa RM	FVTPL RM	HTM RM	L & R RM
Aset Kewangan					
Sekuriti tersenarai	7	21,107,727	21,107,727	-	-
Simpanan jangka panjang	9	10,000,000	-	10,000,000	-
Simpanan jangka pendek	9	12,603,475	-	12,603,475	-
Jumlah terhutang oleh broker saham		-	-	-	-
Faedah dan dividen belum terima		296,935	-	-	296,935
Cukai boleh tuntutan		191,422	-	-	191,422
Wang dan baki di bank		543,714	-	-	543,714
Jumlah aset kewangan		<u>44,743,273</u>	<u>21,107,727</u>	<u>22,603,475</u>	<u>1,032,071</u>

31.10.2017**Aset Kewangan**

Sekuriti tersenarai	7	29,457,875	29,457,875	-	-
Simpanan jangka panjang	9	11,400,000	-	11,400,000	-
Simpanan jangka pendek	9	11,527,982	-	11,527,982	-
Jumlah terhutang oleh broker saham		176,331	-	-	176,331
Faedah dan dividen belum terima		166,168	-	-	166,168
Cukai boleh tuntutan		188,462	-	-	188,462
Wang dan baki di bank		415,000	-	-	415,000
Jumlah aset kewangan		<u>53,331,818</u>	<u>29,457,875</u>	<u>22,927,982</u>	<u>945,961</u>

Semua liabiliti semasa adalah liabiliti-liabiliti kewangan yang diukur pada kos yang dilunaskan (OL).

KUMIPA Balanced Fund
(Ditubuhkan di Malaysia)

Nota-nota kepada penyata kewangan bagi setengah tahun berakhir 31 Oktober 2018 (sambungan)

3 Ringkasan dasar perakaunan yang penting (sambungan)

(j) Penilaian dan anggaran perakaunan yang ketara

Penyediaan penyata kewangan Tabung memerlukan Pengurus untuk membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada jumlah hasil, perbelanjaan, aset dan liabiliti dan pendedahan liabiliti luar jangka pada tarikh laporan. Walau bagaimanapun, ketidaktentuan tentang andaian dan anggaran ini boleh menyebabkan keputusan yang mana memerlukan pelarasan ketara kepada jumlah dibawa oleh aset atau liabiliti pada masa akan datang.

Tiada pertimbangan utama telah dibuat oleh Pengurus dalam menggunakan pakai dasar-dasar perakaunan Tabung. Tiada terdapat andaian utama mengenai masa depan dan lain-lain sumber utama ketidakpastian anggaran pada tarikh laporan ini, yang mempunyai risiko penting menyebabkan pelarasan penting pada jumlah dibawa aset dan liabiliti dalam tempoh kewangan akan datang.

4 Yuran Pengurusan

Yuran pengurusan adalah 1.50 % setahun atas Nilai Aset Bersih Kasar (NAB Kasar) Tabung yang dikira secara harian.

5 Yuran Pemegang Amanah

Kiraan adalah berdasarkan 0.10 % setahun atas nilai Nilai Aset Bersih Kasar (NAB Kasar) Tabung yang dikira secara harian.

6 Cukai

	2018	2017
	RM	RM
Di Malaysia	_____	_____
-Cukai pendapatan tahun semasa	_____	_____
	<u> </u>	<u> </u>

Cukai tahun semasa adalah atas pendapatan perniagaan ke atas dividen setelah ditolak perbelanjaan yang dibenar dibawah Seksyen 63B, Akta Cukai Pendapatan , 1967.

KUMIPA Balanced Fund

(Ditubuhkan di Malaysia)

Nota-nota kepada penyata kewangan bagi setengah tahun berakhir 31 Oktober 2018 (sambungan)

(a) Kaunter	Kuantiti Unit	Kos Pegangan RM	Kadar peratusan harga pasaran ke atas nilai aset bersih	
			Nilai Pasaran RM	Tabung %
Barangan pengguna/perkhidmatan	625,000	725,013	652,500	1.47
Barangan industri/perkhidmatan	3,255,000	3,469,957	3,033,650	6.82
Pembinaan	4,318,331	3,225,8312	2,719,041	6.11
Tenaga	1,023,000	440,290	336,140	0.76
Telekomunikasi dan media	1,000,000	1,356,108	994,000	2.23
Perkhidmatan Kewangan	1,415,000	4,127,710	5,246,750	11.79
Penjagaan Kesihatan	550,000	664,223	724,000	1.63
Utiliti	850,000	765,794	731,000	1.64
Hartanah	3,271,497	2,534,951	2,009,796	4.52
Perladangan	2,825,000	3,084,382	2,908,250	6.54
REITS	1,380,000	1,501,936	1,752,600	3.94
	<u>20,512,828</u>	<u>21,896,196</u>	<u>21,107,727</u>	<u>47.44</u>
(b) Pelaburan adalah terdiri daripada :				
Barangan pengguna/perkhidmatan				
Cocoland Holdings Berhad	125,000	260,013	252,500	0.57
LTKM Berhad	500,000	465,000	400,000	0.90
	<u>625,000</u>	<u>725,013</u>	<u>652,500</u>	<u>1.47</u>
Barangan industri/perkhidmatan				
CB Industrial Product Holding Berhad	600,000	865,172	648,000	1.46
EITA Resources Berhad	425,000	532,167	548,250	1.23
KKB Engineering Berhad	625,000	581,250	553,125	1.24
Mentiga Corporation Berhad	115,000	26,643	56,350	0.13
Sarawak Cable Berhad	665,000	375,725	262,675	0.59
Wellcal Holdings Berhad	825,000	1,089,000	965,250	2.17
	<u>3,255,000</u>	<u>3,469,957</u>	<u>3,033,650</u>	<u>6.82</u>

KUMIPA Balanced Fund

(Ditubuhkan di Malaysia)

Nota-nota kepada penyata kewangan bagi setengah tahun berakhir 31 Oktober 2018 (sambungan)

(b) Pelaburan adalah terdiri daripada :	Kuantiti Unit	Kos Pegangan RM	Kadar peratusan harga pasaran ke atas nilai aset bersih Tabung	
			Nilai Pasaran RM	%
Pembinaan				
Ahmad Zaki Resources Berhad	1,125,000	653,910	376,875	0.85
Econpile Holdings Berhad	850,000	228,462	565,250	1.27
Hock Seng Lee Berhad	650,000	1,001,000	871,000	1.96
Kimlun Corporation Berhad	275,000	405,044	319,000	0.72
Pesona Metro Holdings Berhad	300,000	90,000	79,500	0.18
Protasco Berhad	828,331	650,216	289,916	0.65
Eversendai Corporation Berhad	290,000	197,200	217,500	0.49
	<u>4,318,331</u>	<u>3,225,8312</u>	<u>2,719,041</u>	<u>6.11</u>
Tenaga				
Sapura Energy Berhad	325,000	208,000	110,500	0.25
Uzma Berhad	48,000	56,790	56,640	0.13
Velesto Energy Berhad	650,000	175,500	169,000	0.38
	<u>1,023,000</u>	<u>440,290</u>	<u>336,140</u>	<u>0.76</u>
Telekomunikasi & Media				
Axiata Group Berhad	200,000	996,108	682,000	1.53
Pelangi Publishing Group Berhad	800,000	360,000	312,000	0.70
	<u>1,000,000</u>	<u>1,356,108</u>	<u>994,000</u>	<u>2.23</u>
Perkhidmatan kewangan				
BIMB Holdings Berhad	1,120,000	3,101,110	4,099,200	9.21
Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad	295,000	1,026,600	1,147,550	2.58
	<u>1,415,000</u>	<u>4,127,710</u>	<u>5,246,750</u>	<u>11.79</u>
Penjagaan Kesihatan				
Caring Pharmacy Group Berhad	250,000	323,991	407,500	0.92
CCM Duopharma Biotech Berhad	225,000	260,956	238,500	0.54
KPJ Healthcare Berhad	75,000	79,276	78,000	0.18
	<u>550,000</u>	<u>664,223</u>	<u>724,000</u>	<u>1.63</u>
Utiliti				
Malakoff Corporation Berhad	850,000	765,794	731,000	1.64

KUMIPA Balanced Fund

(Ditubuhkan di Malaysia)

Nota-nota kepada penyata kewangan bagi setengah tahun berakhir 31 Oktober 2018 (sambungan)**7. Sekuriti tersenarai (sambungan)**

(b) Pelaburan adalah terdiri daripada (sambungan) :	Kuantiti Unit	Kos Pegangan RM	Nilai Pasaran RM	Kadar peratusan harga pasaran ke atas nilai aset bersih
				Tabung %
Hartanah				
Glomac Berhad	1,595,000	781,550	630,025	1.42
Malaysian Resources Corporation Berhad	1,425,000	1,432,191	1,040,250	2.34
YNH Property Berhad	251,497	321,210	339,521	0.76
	<u>3,271,497</u>	<u>2,534,951</u>	<u>2,009,796</u>	<u>4.52</u>
Perladangan				
Boustead Plantations Berhad	725,000	709,065	685,125	1.54
FGV Holdings Berhad	1,175,000	1,704,692	1,645,000	3.70
TH Plantations Berhad	925,000	670,625	578,125	1.30
	<u>2,825,000</u>	<u>3,084,382</u>	<u>2,908,250</u>	<u>6.54</u>
REITS				
AL-'Aqar Healthcare Reit	<u>1,380,000</u>	<u>1,501,936</u>	<u>1,752,600</u>	<u>3.94</u>
Jumlah	<u>20,512,828</u>	<u>21,896,196</u>	<u>21,107,727</u>	<u>47.44</u>

8 Informasi Segmen**Keseluruhan**

Informasi segmen telah disediakan dengan menunjukkan pelaburan di Nota 7 kepada penyata kewangan mengikut sektor industri.

KUMIPA Balanced Fund

(Ditubuhkan di Malaysia)

Nota-nota kepada penyata kewangan bagi setengah tahun berakhir 31 Oktober 2018 (sambungan)**9. Simpanan jangka panjang dan jangka pendek**

	2018	2017
	RM	RM
(a) Simpanan jangka panjang		
Bank Perdagangan	6,400,000	8,400,000
Institusi Kewangan Pembangunan	3,600,000	3,000,000
	10,000,000	11,400,000
(b) Simpanan jangka pendek		
Bank Perdagangan	10,199,335	8,006,303
Bank Pelaburan	2,000,000	2,500,000
Institusi Kewangan Pembangunan	404,140	1,021,679
	12,603,475	11,527,982
	22,603,475	22,927,982
Kadar purata faedah pada akhir pertengahan tahun adalah :		
Simpanan jangka panjang	3.92%	3.85%
Simpanan jangka pendek	3.58%	3.17%

10. Kenyataan agihan

Tiada peruntukan pengagihan (interim) dicadangkan kepada pemegang-pemegang unit bagi tempoh setengah tahun berakhir 31 Oktober 2018.

11. Modal pemegang unit

	2018		2017	
	Bilangan unit	RM	Bilangan unit	RM
1 Mei	184,828,745	125,488,867	183,280,745	125,022,839
Penjadian unit	2,350,000	576,126	2,683,000	772,908
	187,178,745	126,064,993	185,963,745	125,795,747
Tolak :				
Pembatalan unit	996,000	240,574	457,000	129,707
	186,182,745	125,824,419	185,506,745	125,666,040
Saiz Tabung dibenarkan *	250,000,000		250,000,000	

* Tiada perubahan dalam saiz tabung dibenarkan bagi KUMIPA Balanced Fund.

KUMIPA Balanced Fund

(Ditubuhkan di Malaysia)

Nota-nota kepada penyata kewangan bagi setengah tahun berakhir 31 Oktober 2018 (sambungan)**12. Baki tunai dan bersamaan tunai**

Baki akhir tunai dan bersamaan tunai yang terkandung di dalam penyata aliran tunai terdiri dari:

	2018	2017
	RM	RM
Simpanan jangka panjang	10,000,000	11,400,000
Simpanan jangka pendek	12,603,475	11,527,982
Wang dan baki di bank	<u>543,714</u>	<u>415,000</u>
	<u>23,147,189</u>	<u>23,342,982</u>

13. Kepentingan Pengurus dan pihak berkaitan

Butir kepentingan Pengurus, Para Pengarah Pengurus, Syarikat induk Pengurus dan pihak berkaitan Pengurus pada akhir pertengahan tahun adalah seperti berikut :

	2018		
	Unit	Nilai (RM)	Status Hakmilik
Pegurusan Kumipa Berhad (Pengurus)	44,578	10,654	sah
Amanah Saham Pahang Berhad (Syarikat Induk Pengurus)	29,070,850	6,947,933	sah
Para Pengarah	473,285	113,115	sah
Syarikat berkaitan *	<u>22,366</u>	<u>5,345</u>	<u>sah</u>
	2017		
	Unit	Nilai (RM)	Status Hamilik
Pegurusan Kumipa Berhad (Pengurus)	1,389	398	sah
Amanah Saham Pahang Berhad (Syarikat Induk Pengurus)	29,070,850	8,325,891	sah
Para Pengarah	470,111	134,640	sah
Syarikat berkaitan *	<u>22,366</u>	<u>6,406</u>	<u>sah</u>

Nilai (RM) bagi unit pegangan di atas adalah berdasarkan nilai aset bersih seunit pada 31 Oktober 2018 iaitu RM0.2390 (31 Oktober 2017 : RM0.2864)

* Syarikat berkaitan adalah syarikat subsidiari kepada Syarikat Induk Pengurus, Amanah Saham Pahang Berhad.

KUMIPA Balanced Fund

(Ditubuhkan di Malaysia)

Nota-nota kepada penyata kewangan bagi setengah tahun berakhir 31 Oktober 2018 (sambungan)**14. Urusniaga Dengan Syarikat Broker Saham**

Butir-butir lengkap urusniaga dengan semua syarikat broker saham dari 1 Mei 2018 hingga 31 Oktober 2018 adalah seperti berikut:

Syarikat Broker	Nilai dagangan RM	Peratusan nilai dagangan %	Yuran broker RM	Peratusan yuran broker %
AM Investment Bank Bhd	196,856	17.71%	581	16.60%
Affin Hwang Investment Bank Bhd	172,145	15.48%	536	15.31%
CIMB Investment Bank Bhd	157,800	14.19%	426	12.18%
RHB Investment Bank Bhd	137,071	12.33%	501	14.31%
BIMB Securities Sdn Bhd	117,562	10.57%	343	9.79%
Alliance Investment Bank Bhd	114,756	10.32%	382	10.92%
Maybank Investment Bank Bhd	105,765	9.51%	300	8.58%
M & A Securities Sdn Bhd	91,383	8.22%	311	8.89%
Midf Amanah Investment Bank Bhd	18,508	1.66%	120	3.43%
	<u>1,111,846</u>	<u>100.00%</u>	<u>3,500</u>	<u>100.00%</u>

Kesemua syarikat broker saham adalah tidak berkaitan dengan Pengurus dan Tabung.

15. Nisbah perbelanjaan pengurusan

Nisbah perbelanjaan pengurusan (NPP) bagi setengah tahun ialah 0.83% (2017 : 0.88 %). NPP termasuk yuran pengurusan, yuran pemegang amanah, ganjaran juruaudit, ganjaran agen percukaian dan perbelanjaan pentadbiran yang dikira seperti berikut :

$$\text{NPP} = \frac{(A + B + C + D + E) \times 100\%}{F}$$

A = yuran pengurusan

B = yuran pemegang amanah

C = ganjaran juruaudit

D = perbelanjaan pentadbiran

E = ganjaran agen percukaian

F = purata nilai aset bersih Tabung

Purata nilai aset bersih tabung untuk setengah tahun adalah RM46,207,310 (2017 : RM53,032,748) yang dikira berpandukan asas harian.

KUMIPA Balanced Fund

(Ditubuhkan di Malaysia)

Nota-nota kepada penyata kewangan bagi setengah tahun berakhir 31 Oktober 2018 (sambungan)**16. Nisbah dagangan portfolio**

Nisbah dagangan portfolio bagi setengah tahun ialah 0.01 kali (2017 : 0.04 kali). Nisbah dagangan portfolio adalah daripada pengiraan berikut:

$$\frac{(\text{Jumlah pemerolehan Tabung} + \text{jumlah pelupusan Tabung untuk satu tahun kewangan})}{2}$$

Purata nilai aset bersih Tabung untuk satu tahun kewangan berpandukan asas harian

Dimana :

Jumlah pemerolehan sehingga 31 Oktober 2018: RM1,012,181 (2017: RM2,389,882)

Jumlah pelupusan sehingga 31 Oktober 2018: RM99,665 (2017: RM1,404,366)

17. Instrumen kewangan : Pendedahan dan Pengurusan Risiko

Tabung terdedah kepada pelbagai risiko kewangan termasuk risiko pasaran, risiko kadar faedah, risiko kredit dan risiko kecairan dan aliran tunai akibat daripada pegangan instrumen kewangan yang dilakukan oleh Tabung adalah seperti dibawah.

Risiko pasaran

Sekuriti tersenarai dan juga yang bergantung kepada kadar faedah mudah dipengaruhi oleh ketidaktentuan harga pasaran di masa hadapan.

Risiko ini dapat dikurangkan dengan pelbagai pendedahan di dalam portfolio pelaburan Tabung. Kedudukan harga pasaran Tabung diawasi oleh pengurus Tabung setiap hari dan disemak oleh Ahli Jawatankuasa Pelaburan setiap bulan.

Risiko kadar faedah

Tabung adalah terdedah kepada risiko kadar faedah , kesan dari pelaburan di dalam bon atau sekuriti pendapatan tetap. Risiko ini akan dipengaruhi oleh pergerakan kadar faedah dan taraf kredit.

Risiko kredit

Risiko kredit berlaku akibat kegagalan mana-mana pihak yang berurusan dengan Tabung untuk menyelesaikan komitmen masing-masing.

Semua transaksi sekuriti tersenarai melalui broker-broker yang diluluskan dijelaskan atau dibayar ketika penghantaran. Risiko ini dianggap kecil memandangkan penghantaran sekuriti yang dijual dilakukan setelah broker menerima bayaran. Untuk transaksi belian, bayaran dibuat selepas sekuriti di terima oleh pihak broker. Urusniaga akan terbatal sekiranya mana-mana pihak gagal mematuhi peraturan.

Risiko kecairan dan aliran tunai

Risiko kecairan merupakan risiko di mana Tabung akan mengalami kesukaran dalam merealisasikan aset atau memperoleh dana yang secukupnya untuk menyelesaikan tanggungan berhubung mana-mana instrument/kewangan. Risiko aliran tunai timbul apabila nilai yang bakal diperolehi dari pegangan instrumen kewangan akan turun naik.

Risiko ini akan diminimakan kerana aset Tabung terdiri daripada sekuriti-sekuriti yang mudah direalisasi atau mudah dijual sekiranya perlu. Sekuriti Tabung yang tersenarai, sedia direalisasi kerana ianya tersenarai di Bursa Malaysia Securities Berhad.

MAKLUMAT TAMBAHAN

1. BAYARAN AGIHAN PENDAPATAN

Para Pemegang Unit yang masih belum memaklumkan nombor akaun bank atau Tabung Haji masing-masing kepada Pengurus dipohon berbuat demikian **selewat-lewatnya pada 31 Mei 2019**.

Ketiadaan nombor akaun bank atau Tabung Haji mungkin menyebabkan Pemegang Unit tidak akan menerima bayaran agihan pendapatan dalam bentuk tunai. Sebaliknya agihan pendapatan tersebut akan dibuat dalam bentuk unit yang akan dikreditkan terus ke dalam akaun KUMIPA masing-masing berdasarkan harga semasa.

Salinan mukasurat bahagian nombor akaun buku simpanan bank atau Tabung Haji / nombor akaun pada penyata akaun semasa / slip maklumat nombor akaun bank perlu dilampirkan sebagai pengesahan akaun pemegang unit. Serahan maklumat nombor akaun bank boleh menggunakan borang yang dimuat turun melalui laman sesawang **www.phgunitrust.com.my** atau boleh juga didapati di pejabat Pengurus.

2. BORANG KEMASKINI TANDATANGAN PEMEGANG UNIT BERDAFTAR

Pihak kami sedang berusaha mendapatkan tandatangan terkini para Pemegang Unit Berdaftar. Kerjasama Pemegang Unit adalah diharapkan untuk melengkapkan borang dan mengembalikannya kepada pihak kami.

Maklumat kemaskini hendaklah menggunakan borang yang dilampirkan bersama atau muat turun borang melalui laman sesawang **www.phgunitrust.com.my** atau boleh juga dibuat di pejabat Pengurusan KUMIPA Berhad.

3. PENAMAAN PEMOHON BERSAMA

Penamaan Pemohon Bersama boleh mengelakkan masalah proses tuntutan harta pusaka pada masa akan datang.

Sila hubungi pejabat pengurusan untuk keterangan lanjut atau layari laman sesawang di **www.phgunitrust.com.my**